


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

03  
JUN

## PROJEK GUARANA LONJAK KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN



PULAU PINANG, 3 Jun 2015 – Pelancaran Projek Perladangan Guarana yang melibatkan inisiatif Kosiswa Universiti Sains Malaysia (USM) Kejuruteraan Nibong Tebal Berhad dengan Ritz Manufacturing (M) Sdn. Bhd. disifatkan selaras dengan agenda pembangunan budaya keusahawan dalam diri mahasiswa.



Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, pembangunan keusahawan siswa USM merupakan laluan bagi mahasiswa-mahasiswi untuk mendalami bidang keusahawan di samping matlamat utama meraih pencapaian akademik.



Katanya, pelbagai usaha termasuk Dasar Program Pembangunan Keusahawan USM diwujudkan, bertujuan melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawan yang tinggi .

“Kemahiran keusahawan ini dapat membantu melahirkan usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara,” katanya ketika berucap sempena Majlis Pelancaran Perladangan Guarana oleh Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Perpaduan negeri Kedah, Dato' Dr. Leong Yong Kong.


Majlis itu juga diadakan serentak dengan penandatanganan dua memorandum persefahaman (MoU) di antara Ritz Manufacturing dengan Kosiswa USM Kejuruteraan Nibong Tebal Berhad serta Yuzhou Ai Li Fang Co Ltd.



Ritz Manufacturing merupakan salah satu syarikat yang bernaung dibawah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).


Omar juga berkata, USM juga turut memberikan sokongan penuh kepada koperasi-koperasi yang beroperasi di kampus-kampus USM dalam dan luar Negara dengan menyediakan platform serta pengayaan bakat para graduan.

``Kita menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan hasrat memperkasa kemahiran pelajar termasuk projek Akaun Siswa Niaga Maju.




``USM juga menyediakan peluang mengkomersialkan produk berpotensi hasil daripada penyelidikan pensyarah melalui Program SEDIA (Student Entrepreneurship Development Initiative Agenda),” ujar beliau.

Tambahnya, segala usaha yang diperkenalkan adalah selaras dengan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 sehingga 2025, yang menggariskan aspirasi dan cadangan lonjakan keusahawanan pelajar selepas bergraduasi.



``Pelan PPPM ini juga diantaranya menyentuh aspek pengoperasian pelajar dalam menukar minda pelajar daripada budaya mencari pekerjaan kepada budaya mencipta pekerjaan sekaligus memberikan keseimbangan dalam pemikiran keusahawanan pelajar yang akan bergraduasi,” katanya.

Dalam pada itu, Yong Kong pula dalam ucapannya berkata, Ritz Manufacturing (M) Sdn Bhd untuk melangkah lebih jauh melalui kerjasama dengan USM dalam bidang pemasaran produk dan projek peladangan guarana yang pertama di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara.



Katanya, usahasama ini bukan sekadar memberi manfaat kepada mahasiswa, sebaliknya membantu menyumbang ke arah pemantapan ekonomi dan membantu menjana pendapatan lumayan kepada usahawan. Teks: Marziana Mohamed Alias / Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015